



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/33 (HQ)

PERPINDAHAN KEDAI TENAGA PUCHONG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa Kedai Tenaga Puchong akan berpindah dari Bandar Puteri ke lokasi yang baharu di Jalan BP4, Bandar Bukit Puchong, Selangor mulai Isnin, 16 Mac 2015.

“Perpindahan ini merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada para pengguna,” kata Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna) Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir.

Kedai Tenaga ini akan mula beroperasi di lokasi baharu di alamat berikut:-

**KEDAI TENAGA PUCHONG
NO.6 JALAN BP4,
BANDAR BUKIT PUCHONG,
47120 PUCHONG.
(KOORDINAT GPS: 2.985390:101.627389)**

Kedai Tenaga ini boleh dihubungi di **nombor talian 03-80514301** dan **faks 03-80517160**.

“Kami memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesulitan yang timbul sepanjang proses pemindahan ini. Untuk maklumat lanjut, pengguna dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi TNB di www.tnb.com.my,” kata Ir. Kamaliah lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Mac 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Teng Yoon Soon (019-29312280)
media@tnb.com.my*